

PENGGUNAAN NOMBOR DALAM PERIBAHASA MELAYU

Daud Mohamad

Jabatan Matematik, Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam

Abstrak. Peribahasa merupakan salah satu khazanah melayu yang tidak ternilai. Penggunaannya dapat mengungkai maksud yang tersirat bagi sesuatu keadaan atau menyampaikan maksud secara kiasan. Terdapat peribahasa yang menggunakan nombor bagi menjelaskan keadaan tersebut. Makalah ini melihat beberapa peribahasa yang berkaitan dengan mengelaskan peribahasa kepada bentuk atau jenis angka/nombor yang digunakan. Pengelasan ini sedikit sebanyak dapat memperlihatkan tanggapan orang melayu terhadap nombor dan secara umumnya cara pemikiran orang melayu terhadap matematik.

Kata kunci: Peribahasa, Nombor, Pemikiran orang melayu

PENGENALAN

Mengikut Kamus Dewan, peribahasa merupakan kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu. Walaupun banyak pandangan mengenai kategori peribahasa, namun secara umumnya ahli bahasa bersetuju bahawa peribahasa boleh dikategorikan kepada

- Simpulan bahasa
- Pepatah
- Perumpamaan
- Bidalan.

Simpulan bahasa adalah ungkapan biasa yang biasanya terdiri daripada dua atau tiga perkataan dengan makna yang berlainan daripada maksud asal perkataan. Pepatah pula merupakan ungkapan-ungkapan yang berasal usul daripada pusaka adat resam. Bidalan adalah sebahagian daripada pepatah yang berbentuk nasihat manakala perumpamaan ialah perbandingan makna yang jelas kerana kebiasaan dimulakan dengan perkataan seperti *bak*, *umpama*, *bagai*, *laksana*, *seperti* dan *seolah* (Abdullah dan Ainon [2]). Peribahasa merupakan suatu bidang bahasa yang dinamik kerana setiap generasi menerbitkan peribahasa mereka sendiri (Abdullah) [1]. Sebagai contoh *Seperti Belanda dapat tanah* membayangkan zaman penjajahan Belanda di tanah Melayu yang rakus mengambil tanah daripada orang tempatan.

Banyak peribahasa yang melibatkan penggunaan nombor. Nombor-nombor ini digunakan sama ada dalam bentuk tersendiri iaitu tidak bergabung dengan nombor lain ataupun gabungan dua atau lebih nombor-nombor. Nombor-nombor yang terlibat tidak menyeluruh, namun yang kerap digunakan adalah nombor-nombor bernilai *sa*. Penggunaan nombor dalam budaya melayu secara umumnya banyak dikaitkan dengan unsur keagamaan khususnya agama Islam. Nombor satu banyak dikaitkan dengan keesaan Tuhan manakala dua pula menunjukkan keadaan yang berpasangan seperti siang-malam, suka-duka dan seumpamanya. Tiga juga biasanya dikaitkan dengan tiga keadaan seperti dulu, kini dan masa akan datang. Nombor empat contohnya dikaitkan dengan hukum yang wujud seperti beristeri empat manakala lima dan enam dikaitkan dengan masing-masing dengan rukun islam dan rukun iman. Nombor juga pula banyak digunakan untuk menunjukkan keadaan yang banyak seperti tujuh petala langit, tujuh petala bumi, tujuh hari dalam seminggu dan sebagainya yang sememangnya terdapat di dalam Al Quran.

PERBINCANGAN

Penggunaan Angka Satu Dan Dua Secara Tersendiri

Penggunaan nombor satu dan dua boleh dikatakan antara yang terbanyak dalam peribahasa. Nombor satu biasa digunakan untuk menunjukkan keadaan yang bilangan atau kuantiti yang sedikit. Nombor dua pula digunakan banyak dalam menunjukkan keadaan yang mempunyai dua suasana/kedaan yang bertentangan atau yang sama/sepadan. Contohnya:

1. Penggunaan Angka Satu Secara Tersendiri

- Kembang sekuntum dipetik orang
- Sekulit
- Bagai kacang direbus satu
- Sebagai sebijji sesawi dalam rumput
- Kain sehelai berganti-ganti
- Kain sehelai sepinggagang habis
- Satu kata dengan perbuatan
- Kalau kail panjang sehengkal, jangan laut hendak diduga
- Setahun jagung
- Bagai pinang sebatang
- Ayam laga sekandang

2. Penggunaan Angka Dua Secara Tersendiri

- Bagai pinang dibelah dua
- Talam dua muka
- Seperti gergaji dua mata
- Bagai kucing tengah dua bulan
- Pisang tidak berbuah dua kali.
- Kena pedang bermata dua
- Hidup dua muara
- Bermuka dua
- Berlidah dua
- Berdua mendatangkan perbamahan
- Berbadan dua

Penggunaan Nombor Selain Satu Dan Dua Secara Tersendiri

Nombor selain satu dan dua biasanya digunakan untuk menunjukkan keadaan yang pelbagai atau banyak. Tidak semua nombor asas yang digunakan. Antara yang tidak digunakan ialah enam, lapan dan sembilan.. Nombor sepuluh, dua belas dan seribu sering digunakan apabila hendak menunjukkan keadaan yang banyak. Kenapa nombor lain tidak digunakan tidak dapat diketahui sebabnya.

1. Angka Tiga

- Macam kapal tiga tiang
- Menyandang lukah tiga
- Tiga sudah berdiri habis
- Semut dipijak tidak mati, antan dilanda patah tiga.
- Laksana kain tiga hasta
- Tiga likur
- Bagai berkain tiga hasta
- Tiga suku

2. Angka empat

- Tak tahu diempat
- Tulang empat kerat
- Empat ekor
- Empat besar

- **Empat** bintang
 - **Empat** mata
3. *Angka Lima*
 - **Lima** bintang
 - **Lima** waktu,
 - **Buku** lima
 4. *Angka Tujuh*
 - **Tujuh** kali pindah papa
 - Retak pertujuh
 - **Tujuh** keliling
 5. *Angka Sepuluh*
 - **Sepuluh** jung datang, anjing bercawat ekor juga
 - **Sepuluh** batang bertidih, yang di bawah juga yang luluh
 - **Sepuluh** bintang bertabur, bolehkah sama dengan bulan yang satu.
 6. *Angka Dua Belas*
 - Bagai gelombang **dua belas**
 - Tarik muka **dua belas**
 7. *Angka Empat Belas*
 - Bagai bulan **empat belas**
 8. *Angka Seribu*
 - Diam **seribu** bahasa
 - Waktu **seribu** anjing menyalak, gunung bolehkah runtuh?
 - Bala **seribu**
 - Retak **seribu**

Daripada senarai peribahasa di atas, boleh disimpulkan bahawa ada beberapa nombor asas yang tidak digunakan dalam peribahasa iaitu nombor enam, lapan dan sembilan manakala untuk nombor belas hanya dua belas dan empat belas sahaja yang digunakan.

Gabungan Nombor Dalam Peribahasa

Banyak juga dalam peribahasa yang menggunakan gabungan nombor dengan nombor yang lain. Gabungan yang paling kerap digunakan ialah gabungan satu dengan satu dan gabungan dua dengan dua.

1. *Gabungan Satu Dengan Satu (Sa dengan Sa)*
 - Seekor kerbau berkubang berkubang, sekandang kena lumpurnya
 - Sekandang tidak sebau
 - Kemarau **setahun**, rosak oleh hujan **sehari**
 - Selapik ketiduran, sebantal sekalang bulu
 - Ikan seekor rosakkkan ikan setajau
 - Diberi **sejari** diberi **setempat**
 - Sejengkal menjadi sehasta
 - Secupak tidak akan menjadi **segantang**
 - Kurang **sesayak** sebelanga
 - Serumpun bagai serai, **seikat** bagai sireh
 - **Sekerat** ular **sekerat** belut
 - Kail **sebentuk** umpan seekor, sekali putus **sehari** berhanyut.

Secara umumnya, banyak peribahasa gabungan satu dengan satu disusun dengan melihatkan unsur seiringan (contohnya *selapik... seiringan*) dan sebab dan akibat (contohnya *sejengkal menjadi sehasta, secupak tidak menjadi segantang*)

2. *Gabungan Dua Dengan Dua*

- Keli **dua** selubang
- Kapal satu nakhoda **dua**
- Sekali jalan terkena, **dua** kali jalan tahu
- **Esa** hilang, **dua** terbilang
- Gajah seekor gembala **dua**
- Karam ber**dua** basah seorang
- Seperti sekelat muka **dua**
- Satu sangkar **dua** burung
- Satu nyawa **dua** badan
- Satu kambing **dua** serigala.
- **Dua** badan senyawa

3. *Gabungan Sepuluh Dengan Satu*

- **Sepuluh** kali diukur **sekali** dikerat
- **Sepuluh** bintang bertaburan bolehkan sama dengan bulan yang **satu**.
- Satu ditetak **sepuluh** rebah
- Satu pintu yang tertutup, **sepuluh** pintu yang terbuka
- Satu pergi **sepuluh** datang

4. *Gabungan Seribu Dengan Satu*

- Berkawan boleh **seribu**, berteman hanya **satu**.
- Enggan **seribu** daya, mahu sepatah kata.
- Satu dalam **seribu**

5. *Gabungan Dua Atau Lebih Nombor Selain Gabungan Nombor Di Atas*

- **Dua** kali lima **sepuluh**
- **Dua** kali **dua empat**
- Antara dua tengah tiga
- **Empat** sudah bersimpul **satu**.
- **Empat** susu **dua** perut
- **Enam** sebatang, **dua** sigainya
- **Enam sembilan**
- Setali **tiga** orang
- Masuk **tiga** keluar **empat**
- Sudah **tujuh** duduk berjanda, **sembilan** beranak tiri, tercecah uban di gigi
- Seperti **lima belas** dengan tengah **dua puluh**
- Satu pintu kalau tertutup, **sepuluh** pintu akan lagi terbuka.
- Mendaki bukit berkaki **dua**, menurunnya berkaki **seribu**.
- **Berdua** terkunci, **bertiga** terbuka.

Penggunaan Genap Atau/Dan Ganjil

Perkataan genap atau/dan ganjil digunakan untuk menunjukkan perbezaan antara kedua keadaan sebagaimana yang diketahui bahawa genap tidak akan mungkin menjadi ganjil dan sebaliknya. Antaranya,

- Masuk tak **genap**, keluar tak **ganjil**
- Masuk **genap**, keluar **ganjil**
- Dibilang **genap**, dipapar **ganjil**
- Empat gasal(**ganjil**), lima **genap**, dikendur berdentang-dentang, ditejang berjela-jela.
- **Genap** alam
- **Genap** bulan

KESIMPULAN

Makalah ini merupakan kajian awal penulis mengenai unsur-unsur matematik dalam peribahasa melayu. Peribahasa melayu sememangnya banyak mempunyai unsur-unsur matematik yang jika dikaji, boleh menggambarkan pemikiran melayu terhadap matematik. Namun begitu, hanya beberapa nombor sahaja yang kerap digunakan. Yang jelasnya nombor-nombor yang digunakan menjurus kepada tiga tema utama iaitu

- tema agama
- tema budaya dan
- tema persekitaran.

Tema agama melibatkan penggunaan nombor-nombor istimewa yang dikaitkan dengan Islam, nombor lima dalam *Lima waktu* menggambarkan sembahyang lima waktu yang wajib dilakukan oleh orang. Begitu juga dengan *Tujuh keliling* yang dikaitkan dengan bilangan pusingan apabila melakukan tawaf mengelilingi kaabah. Tema agama ini juga menyentuh keperibadian manusia seperti di dalam *Talam dua muka, bermuka dua* atau *berlidah dua* yang menunjukkan sifat orang munafik. Tema budaya semestinya menjadi tema yang sebatи dalam peribahasa. Budaya melayu menggunakan unsur nombor dalam peribahasa sebagai pengajaran atau nasihat seperti di dalam *Pisang tidak berbuah dua kali* yang mengajar kita bahawa perkara yang pelik secara tabiinya tak mungkin berlaku untuk kali kedua. Satu hal yang diperhatikan ialah tiada peribahasa yang menggunakan nombor tiga belas. Adakah nombor tiga belas juga merupakan nombor sial dalam budaya melayu sebagaimana di dalam budaya barat tidak dapat dipastikan.

Tema persekitaran merupakan tema yang banyak membentuk pelbagai peribahasa yang menggunakan nombor. Nombor-nombor dikaitkan dengan benda, objek, haiwan atau tumbuhan yang diguna sehari-hari atau dilihat di sekeliling. Kita dapat lihat bahawa peribahasa menggunakan analogi yang mudah difahami senang ditemui ketika itu. Antaranya ialah *Kembang sekuntum dipetik orang* yang menggambarkan hanya ada satu sahaja bunga yang kembang dan menjadi rebutan orang. Kuntum bunga adalah sesuatu yang boleh ditemui di halaman atau berdekatan rumah. Peribahasa *Mendaki bukit berkaki dua, menurunnya berkaki seribu* menggambarkan kepayahan mendaki bukit seolah-olah hanya mempunyai dua kaki berbanding dengan menurun bukit yang boleh dilakukan dengan mudah seolah-olah ada seribu kaki. Bukit adalah objek yang boleh dilihat di mana-mana di tanah yang tidak rata dan dengan sistem pengangkutan yang tidak sempurna sudah tentu kebanyakan orang hanya berjalan kaki jika hendak ke sesuatu destinasi tertentu.

Unsur sebab dan akibat juga dapat ditemui dalam peribahasa yang membanding satu nombor dengan nombor yang lain contohnya *satu pergi sepuluh datang*. Dalam peribahasa *Sebab nilai setitik rosak susu sebelanga* walaupun angka bandingan yang digunakan adalah *sa*, namun *sa* yang kecua mewakili kuantiti yang berganda banyaknya. Terdapat juga peribahasa yang melihat keunikan sesuatu perkara dengan sekali lagi membuat perbandingan nombor seperti dalam *satu dalam seribu atau berkawan biar seribu, berteman hanya satu*. Contoh-contoh yang diberi memperlihatkan bahawa terdapat konsep-konsep asas matematik yang digunakan dalam pembinaan peribahasa seperti konsep perbandingan, keunikan dan gandaan. Banyak unsur-unsur lain dalam matematik yang terdapat dalam peribahasa yang sesetengahnya digunakan secara jelas seperti nombor yang dibincangkan di atas dan pada masa yang sama terdapat unsur-unsur yang tersirat seperti konsep-konsep matematik tertentu antaranya aljabar, matematik kabur dan sebagainya. Kajian seumpama ini juga terdapat dalam Rokiah [3]. Kreativiti penciptaan peribahasa tidak terhingga banyaknya dan ia masih berkembang sehingga kini.

RUJUKAN

1. Abdullah Hassan 1997, Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan eseи-esei lain, Pustaka Fajar Bakti Sdn Bhd, Shah Alam.
2. Abdullah Hassan dan Ainon Mohd 1998, Kamus Peribahasa Lengkap Utusan, Utusan Publ. & Distr. Sdn Bhd.
3. Rokiah Embong 2000, Pemikiran bermatematik melalui peribahasa.